

**Selamat datang ke  
“Sesi Taklimat Kod Etika  
Pembekal Tabung Haji”**





**Kod Etika Pembekal Tabung Haji**

**Pada akhir taklimat ini, anda akan dapat:**



**1. Memahami prinsip-prinsip Kod Etika Pembekal.**



**2. Memahami kepentingan pematuhan Kod Etika Pembekal.**



**3. Mengetahui kesan pelanggaran Kod Etika Pembekal.**



**PRINSIP dan TAHAP TINGKAH LAKU yang ditekankan kepada setiap pembekal, pekerja-pekerja mereka, subkontraktor dan subpembekal untuk memenuhi dalam PENYEDIAAN BARANGAN dan PERKHIDMATAN kepada Tabung Haji.**

## **8 Prinsip Kod Etika Pembekal seperti berikut:**



**Kod 1: Jujur melaksanakan tanggungjawab**



**Kod 2: Mematuhi undang-undang**



**Kod 3: Menjauhi rasuah**



**Kod 4: Mengelak percanggahan kepentingan**



**Kod 5: Bertanggungjawab ke atas maklumat sulit dan aset Tabung Haji**

## **8 Prinsip Kod Etika Pembekal seperti berikut (sambungan):**



**Kod 6: Kepentingan kualiti piawaian dan kemahiran**



**Kod 7: Menghindari amalan anti-kompetitif**



**Kod 8: Penghormatan kepada individu dan masyarakat**



A hand-drawn scroll with a black outline, featuring two large black loops at the top and bottom. The scroll is decorated with several green stars and thin green curved lines. The text is written in a bold, black, sans-serif font.

**Mari kita fahami lebih lanjut setiap prinsip  
Kod tersebut!**



**Kod 1: Jujur melaksanakan  
tanggungjawab**

**SEMUA pembekal dan wakil pembekal hendaklah:**



**1. MEREKOD dan MELAPORKAN secara JUJUR dan TEPAT semua maklumat perniagaan.**



**2. MELINDUNGI dan bertanggungjawab MENJAGA ASET FIZIKAL dan INTELEKTUAL Tabung Haji, termasuk hartanah, bekalan dan peralatan, apabila diberi kuasa oleh Tabung Haji menggunakan aset tersebut.**



**3. MEMASTIKAN semua rekod, komunikasi dan pendedahan yang berkaitan dengan Tabung Haji dibuat dengan LENGKAP, ADIL, TEPAT pada masanya dan boleh DIFAHAMI.**



## **Kod 2: Mematuhi undang-undang**

**Semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah mematuhi:**



**TERMA dan SYARAT-SYARAT yang telah dipersetujui di dalam perjanjian kontrak.**



**Semua PERATURAN dan UNDANG-UNDANG sivil atau jenayah negara.**



**Undang-undang berkenaan RASUAH dan SOGOKAN termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).**



**Semua undang-undang dan peraturan ALAM SEKITAR, yang berkaitan dengan bahan-bahan berbahaya, pelepasan udara, bahan buangan dan sisa buangan.**



## **Kod 3: Menjauhi rasuah**



**TIDAK akan, secara langsung atau tidak langsung, MEMINTA, MENERIMA, MEMBERI atau BERJANJI untuk memberi sesuatu ganjaran berbentuk wang, barangan atau perkhidmatan, kepada mana-mana anggota sebagai balasan untuk keputusan, pendapat, undian atau tindakan lain yang mempengaruhi keputusan perolehan.**

**Semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah:**



**1. TIDAK BERSUBAHAT dalam melakukan aktiviti yang berunsur rasuah.**



**2. Segera MELAPORKAN kepada pihak pengurusan Tabung Haji jika terdapat PERLAKUAN atau CUBAAN RASUAH dilakukan oleh anggota Tabung Haji atau pembekal lain.**



**Kod 4: Mengelakkan  
percanggahan kepentingan  
("conflict of interest")**

Semua pembekal Tabung Haji dan wakil pembekal hendaklah **MENGHINDARI DIRI** dari melakukan perkara yang boleh menyebabkan berlakunya **PERCANGGAHAN KEPENTINGAN** dalam urusan perolehan.


Contohnya, pembekal mempunyai hubungan keluarga ataupun perkongsian perniagaan dengan pemegang saham, ahli jawatankuasa tender, atau lain-lain anggota Tabung Haji.



Pembekal yang **MEMPUNYAI** atau **BERPOTENSI** mempunyai **PERCANGGAHAN KEPENTINGAN** dengan mana-mana anggota Tabung Haji, hendaklah segera **MEMAKLUMKAN** kepada pihak pengurusan Tabung Haji sama ada **SEBELUM** atau **SELEPAS PELANTIKAN** dan **PEMILIHAN**.



Pihak Tabung Haji berhak dalam  
**MEMBUAT KEPUTUSAN** menentukan sama  
ada pembekal tersebut perlu **MENARIK DIRI**  
atau **SEBALIKNYA**.



**Pematuhan WAJIB dilakukan sepenuhnya terhadap borang 'Integrity Pact' yang telah ditandatangani oleh setiap pembekal.**

**Bagi tujuan pengisytiharan kepentingan, setiap pembekal WAJIB melengkapkan BORANG-BORANG berkaitan yang dinyatakan dalam 'Integrity Pact' Perolehan Tabung Haji.**

**Bagaimana pula dengan  
pemberian dan  
penerimaan hadiah?**






**Pembekal atau wakil mereka TIDAK BOLEH  
MENAWARKAN atau MEMBERI apa-apa  
hadiah, secara LANGSUNG atau TIDAK  
LANGSUNG, kepada anggota Tabung Haji  
yang terlibat dalam proses bidaan atau  
tender atau mana-mana anggota atau  
kepada mana-mana keluarga anggota  
Tabung Haji.**

Pemberian dan penerimaan hadiah boleh  
**MEMPENGARUHI PERTIMBANGAN** anggota  
dalam menjalankan **TUGAS** mereka.





**Kod 5: Bertanggungjawab  
ke atas maklumat sulit dan  
aset Tabung Haji**

A speech bubble with a black outline and a green drop shadow, pointing towards the bottom right.

Pembekal hendaklah  
menyelenggara dan melindungi  
**KERAHSIAAN MAKLUMAT** yang  
**DIPEROLEHI** dan  
**DIAMANAHKAN** kepada mereka  
oleh Tabung Haji.

A speech bubble with a black outline and a green drop shadow, pointing towards the bottom left.

**MELAINKAN** jika pendedahan  
tersebut **DIBENARKAN** oleh  
Tabung Haji atau maklumat  
tersebut **DIKEHENDAKI** oleh  
**UNDANG-UNDANG** dan  
**MAHKAMAH**.




**MAKLUMAT SULIT** adalah **MAKLUMAT PROPRIETARI** Tabung Haji atau pihak ketiga yang digunakan oleh Tabung Haji, yang mana jika didedahkan atau diubahsuai oleh individu, boleh mengakibatkan **RISIKO KERUGIAN KEWANGAN** dan **MENJATUHKAN REPUTASI** serta **PRESTASI** Tabung Haji.



**SEMUA pembekal dan wakil pembekal Tabung Haji hendaklah mematuhi hak-hak pemilikan harta intelek Tabung Haji termasuk tetapi tidak terhad kepada HAK CIPTA, PATEN, TANDA DAGANGAN dan RAHSIA PERDAGANGAN.**



**Teknologi maklumat dan sistem yang disediakan oleh Tabung Haji HANYA BOLEH DIGUNAKAN untuk tujuan yang berkaitan dengan PERNIAGAAN Tabung Haji.**



**Pembekal dan wakil pembekal DILARANG daripada menggunakan teknologi dan sistem yang disediakan oleh Tabung Haji untuk tujuan MENCIPTA, MENGAKSES, MENYIMPAN, MENCETAK, MEMINTA atau MENGHANTAR sebarang bahan yang MENGGANGGU, MENGANCAM, KESAT, LUCAH atau menghantar sebarang KOMUNIKASI PALSU, MENGHINA atau BERNIAT JAHAT.**



**Kod 6: Kepentingan kualiti  
piawaian dan kemahiran**

## **SEMUA pembekal dan wakil pembekal hendaklah:**



**1. Memperoleh LESEN/PERMIT yang diperlukan sebagai pembekal barangan atau perkhidmatan untuk Tabung Haji.**



**2. Menyediakan TENAGA KERJA berkemahiran tinggi, mencukupi dan berkualiti dalam menyempurnakan urusan niaga.**




**3. Mengguna dan membekalkan PERALATAN yang memenuhi KUALITI yang ditetapkan bagi menjalankan aktiviti yang dipertanggungjawabkan.**



## **Kod 7: Menghindari amalan anti-kompetitif**




Semua pembekal harus mengamalkan  
**PERSAINGAN SIHAT** dan **TELUS** serta  
**DILARANG** untuk menyertai mana-mana  
**PAKATAN** di kalangan pembekal dalam  
urusan perolehan.



## **Kod 8: Penghormatan kepada individu dan masyarakat**



Semua pembekal mesti **MENGHORMATI** semua pihak yang terlibat dalam sesebuah kontrak dengan **MENGELAK** dari **MENGAMALKAN DISKRIMINASI** dalam sebarang bentuk berasaskan **KAUM, UMUR, JANTINA, NEGERI dan NEGARA ASAL** serta memastikan **KEBAJIKAN** pekerja terjaga.



Apakah kepentingan memahami Kod Etika  
Pembekal?



**PEMATUHAN** terhadap prinsip-prinsip, polisi dan peraturan yang dinyatakan dalam Kod ini adalah **DIWAJIBKAN** kepada **SEMUA PEMBEKAL** dan **WAKIL-WAKILNYA** yang berurusan dengan Tabung Haji.

**Semua pembekal dan wakil pembekal hendaklah:**



**1. MEMBACA dan MEMAHAMI Kod ini.**



**2. MELAPORKAN dengan segera ketidakpatuhan atau pelanggaran Kod ini oleh mana-mana pihak kepada pihak pengurusan Tabung Haji yang dilantik.**



**3. Memberi KERJASAMA sepenuhnya terhadap siasatan yang dibuat.**



**4. Memastikan dan MENDIDIK kakitangan, wakil pembekal atau subkontraktor bahawa mereka memahami dan mematuhi Kod Etika Pembekal.**

A decorative scroll with a black outline and a white interior. The scroll is unrolled in the center, with the ends folded back. It is surrounded by several green four-pointed stars and thin green curved lines, giving it a magical or important appearance.

**Apakah kesan sekiranya pembekal  
melanggar Kod Etika Pembekal?**



**Tindakan DISIPLIN akan dikenakan sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada Kod ini, bergantung kepada jenis dan tahap kesalahan yang dilakukan.**

**Antara tindakan yang akan dikenakan atas ketidakpatuhan kepada Kod ini adalah:**



**1. PENALTI atau DENDA.**



**2. PENAMATAN kontrak.**



**3. DISENARAIHITAM atau DIBATALKAN pendaftaran.**

**Pada taklimat ini, anda telah berjaya mempelajari:**



**8 prinsip Kod Etika Pembekal.**



**Kepentingan pematuhan Kod Etika Pembekal.**



**Kesan pelanggaran Kod Etika Pembekal.**

## **Prinsip-prinsip Kod Etika Pembekal adalah penting dalam:**



**1. Mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat Tabung Haji.**



**2. Meningkatkan akauntabiliti, ketelusan, integriti dan kemampanan dalam perolehan Tabung Haji.**



**3. Mengurangkan dan membasmi gejala rasuah.**



**Aduan boleh dibuat melalui melalui  
saluran e-Whistleblowing di Laman  
Web Rasmi Lembaga Tabung Haji**



Sebarang pertanyaan, anda boleh hubungi kami di  
Bahagian Integriti, Lantai 15,  
Menara TH Tun Razak, Kuala Lumpur.



Untuk maklumat lanjut, sila imbas Kod QR ini bagi capaian ke  
Kod Etika Pembekal Tabung Haji serta polisi-polisi integriti Tabung Haji.





**Maklum balas anda amatlah dihargai.  
Sila imbas Kod QR ini untuk melengkapkan  
soalan kefahaman di pautan yang diberikan.**

